



# Buletin INTEGRITI, TADBIR URUS & ANTIRASUAH PUSAKA

EDISI KEDUA 2023



PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK



# PERUTUSAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti kerana berjaya menerbitkan Buletin Integriti Edisi Kedua.

Buletin ini merupakan satu kaedah untuk berkongsi maklumat program dan aktiviti-aktiviti integriti sepanjang tahun 2023. Buletin Integriti ini adalah sangat penting untuk menzahirkan komitmen PUSAKA dalam memupuk dan membudayakan nilai-nilai integriti dalam kalangan anggota.

Amalan integriti hendaklah dilaksanakan setiap masa dengan menerapkan pembudayaan nilai integriti dalam kehidupan diri, keluarga, masyarakat dan organisasi. Kehidupan seseorang tanpa integriti seperti amanah, jujur, menepati janji, bertanggungjawab, berakhlek mulia dan mahmudah (terpuji) umpsama cahaya keimanan dan ketaqwaan yang kian pudar dari dalam seseorang individu; justeru melemahkan jati diri.

Perbuatan tidak berintegriti seperti penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan ketidakcekapan hendaklah dielakkan sama sekali. Setiap daripada kita juga hendaklah mengamalkan budaya kerja yang penuh berintegriti umpsamanya dalam hal ketepatan waktu, penyampaian maklumat yang tepat, kerahsiaan maklumat organisasi, ketelusan pengurusan serta hubungan harmoni dan terhormat dalam kalangan anggota. Nilai-nilai murni dan pegangan agama yang kuat boleh menjadi benteng kepada diri daripada terjebak dengan aktiviti haram dan tindakan yang merosakkan organisasi serta negara.

Hasil kejayaan sesebuah organisasi adalah bermula daripada warga yang berintegriti dan profesional selari dengan firman Allah s.w.t (maksudnya): "Salah seorang daripada kedua-duanya berkata: Wahai ayah, ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik pekerja ialah yang kuat, lagi amanah." (Surah Al-Qasas 28:26) Oleh hal yang demikian, Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti giat melaksanakan pelbagai program yang mencakupi semua peringkat berpandukan amalan terbaik; dari aspek aktiviti pengukuhan integriti, pengurusan risiko rasuah (CRM), pemantapan tadbir urus dan pematuhan serta pengurusan aduan etika.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua anggota PUSAKA di atas sokongan dan komitmen di dalam menjayakan program integriti di PUSAKA. Saya berharap penerbitan Buletin Integriti ini dapat mengukuhkan lagi nilai-nilai berintegriti di dalam hati dan jiwa warga PUSAKA agar terhindar dari segala kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah.

Akhir kata, saya berharap pada masa akan datang, anggota PUSAKA akan tetap berpegang teguh dengan prinsip nilai berintegriti dan memberi sokongan padu kepada pihak Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti dalam menjayakan aktiviti pembudayaan integriti di PUSAKA.

Sekian, terima kasih.

"Kami Tolak Rasuah"

HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ABDULLAH  
PENGURUS BESAR PUSAKA

# **ISI KANDUNGAN**

## **PROGRAM DAN AKTIVITI**

- |          |   |           |  |
|----------|---|-----------|--|
| <b>1</b> | Kunjungan Hormat Ke Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS)   | <b>9</b>  | Bicara Eksekutif Integriti Bacaan Ikrar Integriti Malaysia |
| <b>2</b> | Pelancaran e-Buletin Program Pengukuhan Integriti 2022 Edisi Pertama  | <b>10</b> | Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) PUSAKA            |
| <b>3</b> | Taklimat Bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM, Putrajaya   |           | Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Kumpulan (JIK) PUSAKA     |
| <b>4</b> | Lawatan Penandaarasan Pensijilan MS ISO 37001:2016-Anti-Bribery Management Systems(ABMS) dan Anugerah Governans & Antirasuah (AIGA) | <b>11</b> | Penarafan Risiko   |
| <b>5</b> | Taklimat Fungsi Teras Unit Integriti dan Governan (IGU) Bagi Anak Syarikat PUSAKA Oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)  | <b>12</b> | Naziran  |
| <b>6</b> | Taklimat Perintah Am Negeri Sarawak -Kelakuan dan Tatatertib  |           | Tadbir Urus dan Pematuhan                                  |
| <b>7</b> | Lawatan Sambil Belajar Ke Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)  | <b>13</b> | Poster Kesedaran Integriti                                 |
| <b>8</b> | STIDC Corporate Governance Day 2023   | <b>15</b> | Penilaian Risiko Rasuah                                    |

VISAR BT ABDUL WAHID

## **RENCANA/ ARTIKEL**

- |           |   |
|-----------|---|
| <b>16</b> | Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)  |
| <b>17</b> | Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)  |
| <b>18</b> | Garis Panduan Pengurusan Hadiah Untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Polisi Hadiah PUSAKA |
| <b>19</b> | Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblower Policy)                                     |
| <b>20</b> | Garis Panduan Pengurusan Aduan Etika  |
|           | Garis Panduan Pengesahan dan Pengesahan Aduan Etika   |
| <b>21</b> | Tahap Kepuasan Pelanggan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti                               |

# KUNJUNGAN HORMAT KE UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN SARAWAK (UNIONS)

26 Januari 2023



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Haji Semawi Bin Haji Mohamad, Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS) di pejabatnya bertempat di Bangunan Baitulmakmur II pada 26 Januari 2023.

Objektif kunjungan adalah untuk mengukuhkan jalinan kerjasama antara UNIONS dan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti PUSAKA demi memantapkan pelaksanaan dan pembudayaan integriti diPUSAKA.



# PELANCARAN e-BULETIN PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI 2022 EDISI PERTAMA

22 Februari 2023



e-Buletin Integriti PUSAKA Edisi Pertama telah dilancarkan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan PUSAKA bagi bulan Februari 2023 bertempat di Dewan Seminar, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.

Seramai kira-kira 250 pegawai dan anggota PUSAKA telah menyertai majlis tersebut termasuk pihak pengurusan dan warga PUSAKA dari Ibu Pejabat, pihak pengurusan anak syarikat PUSAKA serta Pejabat-pejabat Bahagian dan Pejabat-pejabat Perhubungan di seluruh Sarawak melalui aplikasi zoom.



Pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datu Haji Hashim Bin Haji Bojet, Pengurus Besar PUSAKA. e-Buletin Integriti ini merupakan salah satu kaedah untuk berkongsi maklumat program dan aktiviti integriti sepanjang tahun dan juga pengisian yang bermanfaat secara kreatif dan novatif dalam usaha membudayakan integriti dalam kalangan aggota PUSAKA.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengurus Besar PUSAKA, Cik Hajah Haluyah Binti Awi.



# TAKLIMAT BERSAMA BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA), SPRM, PUTRAJAYA

22 Februari 2023



Satu sesi taklimat bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya telah dijalankan bertempat di Dewan Seminar PUSAKA, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.

Taklimat ini adalah anjuran Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti PUSAKA dengan kerjasama BPIA, SPRM Putrajaya yang bertujuan untuk menjelaskan mekanisme pelaksanaan Unit Integriti (UI) serta tanggungjawab pihak yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap pekeliling yang berkaitan sekaligus meningkatkan keberkesanan pelaksanaan UI di PUSAKA.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, YBhg. Dato' Nor Azmi Bin Karim.

Turut hadir pada sesi ini ialah Ketua Cawangan Penarafan dan Kajian, BPIA, Ibu Pejabat SPRM, YBrs. Penolong Pesuruhjaya Wan Ahmad Nidzam Bin Wan Omar, Ketua Penolong Kanan Pengguna, Cawangan Libat Urus, BPIA, Ibu Pejabat SPRM, Mohamad Sufari Bin Abdullah; Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti, Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Datu Haji Putit, pihak pengurusan PUSAKA, anak-anak syarikat, pemegang taruh PUSAKA serta anggota-anggota PUSAKA.



# LAWATAN PENANDAARASAN PENSIJILAN MS ISO 37001:2016-ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) DAN ANUGERAH GOVERNANS & ANTIRASUAH (AIGA)

28 Februari 2023 - INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)



1 Mac 2023 - PADIBERNAS (BERNAS), SHAH ALAM, SELANGOR



1 Mac 2023 - JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT



Lawatan penandaarasan telah diketuai Puan Suraya Binti Mohamad Ali selaku Penolong Pengurus Besar Kanan Pentadbiran dan Pengurusan Modal Insan, PUSAKA.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memperkuatkkan amalan terbaik pengurusan integriti, governans dan anti rasuah di PUSAKA dan sebagai langkah persediaan awal ke arah Pensijilan ABMS dan AIGA.

# TAKLIMAT FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI DAN GOVERNAN (IGU) BAGI ANAK SYARIKAT PUSAKA OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)

3 Mei 2023



Satu taklimat mengenai Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans (IGU) bagi anak-anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) telah diadakan bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 3 Mei 2023 bertempat di Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga Pengurusan.

Taklimat ini telah dihadiri oleh Pengarah BPIA, SPRM Putrajaya, YBhg. Dato' Nor Azmi Bin Karim dan wakil dari anak-anak syarikat iaitu dari Harwood Timber Sdn Bhd dan Hornbill Skyways Sdn Bhd.

Usaha ini adalah selaras dengan strategi PUSAKA melalui Program Klon Integriti, di mana sasaran adalah diberi kepada anak-anak syarikat yang telah melaksanakan sebahagian daripada 4 Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans (IGU). Selain itu, taklimat ini bermatlamat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman anak-anak syarikat yang terpilih berhubung dengan empat (4) Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans (IGU); di samping mewujudkan rangkaian kerjasama yang erat dengan pihak BPIA, SPRM.



# TAKLIMAT PERINTAH AM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK - KELAKUAN DAN TATATERTIB

20 Jun 2023

Satu sesi taklimat bersama Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak telah dianjurkan, bertempat di Dewan Seminar PUSAKA, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.

Taklimat ini adalah anjuran Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti PUSAKA dengan kerjasama Seksyen Pengurusan Sumber Manusia yang bertujuan memberi kesedaran kepada anggota PUSAKA terhadap peraturan-peraturan berkaitan kelakuan dan tatatertib yang digariskan di dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 dengan harapan agar semua anggota PUSAKA komited untuk melaksanakan tugas dengan cekap, beramanah dan bertanggungjawab serta meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan mereka sendiri, di samping menjaga imej perkhidmatan awam.

Taklimat ini merupakan salah satu inisiatif PUSAKA dalam memantapkan dan memperkuuhkan nilai integriti dalam kalangan anggota PUSAKA bagi mencapai kecemerlangan perkhidmatan dan pembangunan negara.

Taklimat ini juga diharap dapat memupuk kesedaran dalam kalangan anggota PUSAKA mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni serta berintegriti dalam menjaga etika, kelakuan dan tatatertib dalam pekerjaan sehari-hari.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Angelico Anak Francis Freddy Tiam, Penolong Pengarah Pasukan Tatatertib, Jabatan Premier Sarawak.

Hadir sama pada sesi taklimat ini ialah Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti, Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Datu Haji Putit, pihak pengurusan PUSAKA dan anggota-anggota PUSAKA.



# LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (SEDCO)

17Julai 2023



Lawatan sambil belajar ke Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) telah diadakan pada 17 Julai 2023 seiring dengan *Retreat Pertengahan Tahun Pelan Strategik PUSAKA* di Kota Kinabalu, Sabah. Lawatan belajar tersebut dianggotai oleh Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Datu Haji Putit selaku Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko dan Integriti dan Puan Sharifah Zainah Binti Wan Omar selaku Pengurus Integriti di PUSAKA.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan input penyediaan Garis Panduan Pengurusan Aduan Etika dan Garis Panduan Pengesahan dan Pengesahan.



29 OGOS 2023



Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak(PUSAKA) komited terhadap amalan tadbir urus korporat yang baik selaras dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk mencapai perkhidmatan awam bertaraf dunia menjelang 2030.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, Hari Tadbir Urus Korporat STIDC 2023 telah diadakan bertempat di The Waterfront Hotel, Kuching untuk menyemai budaya tadbir urus korporat yang baik di kalangan anggota, anak syarikat dan agensi berkaitan. Program ini adalah kerjasama Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti, Bahagian Audit Dalaman dan Pematuhan dengan sokongan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Unit Audit Dalaman, Jabatan Premier Sarawak, Malaysian Institute of Corporate Governance dan Majlis Amanah Rakyat.

Program yang julung-julung kalinya dianjurkan ini telah dirasmikan Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh, Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak.

Program ini mengetengahkan empat kertas kerja iaitu Penemuan Audit & Respons Berkesan oleh Unit Audit Dalaman Jabatan Premier Sarawak, Akauntabiliti dalam Tadbir Urus Dana Awam oleh SPM, Amalan Pengurusan Risiko dalam MARA dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia oleh MICG.

Program mensasarkan usaha untuk memenuhi harapan tinggi pelanggan terhadap penjawat awam khususnya dari segi prestasi, kecekapan, kebolehpercayaan dan integriti. Ia juga menandakan permulaan usaha berterusan PUSAKA untuk membina masyarakat yang lebih cekap, bertanggungjawab, telus dan amanah.




# BICARA EKSEKUTIF INTEGRITI

30 Ogos 2023



Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Jabatan Premier Sarawak telah menganjurkan satu program integriti iaitu **Bicara Eksekutif Integriti Sempena 60 Tahun Sarawak Merdeka** secara atas talian menggunakan aplikasi Zoom pada 30 Ogos 2023 (Rabu) dengan tajuk ceramah **Sejarah + Integriti = Saya Di Mana?** Bicara ini telah disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UITM iaitu Dr. Nadrawina binti Isnin.

Semua agensi termasuk PUSAKA telah dijemput untuk mengikuti bicara eksekutif integriti ini. Seramai 27 peserta PUSAKA telah menghadiri Bicara Eksekutif Integriti ini.



## BACAAN IKRAR INTEGRITI MALAYSIA

29 September 2023



Bacaan Ikrar Integriti telah diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan PUSAKA pada 29 September 2023 bertempat di Dewan Seminar, Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching. Seramai kira-kira 170 pegawai dan anggota PUSAKA telah menyertai majlis secara fizikal dan aplikasi zoom.

Bacaan Ikrar Integriti ni merupakan atucara tetap di dalam atucara Majlis Perhimpunan Bulanan PUSAKA untuk menzahirkan komitmen PUSAKA di dalam memelihara nilai integriti dan antirasuah dalam kalangan anggota.



## MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) PUSAKA

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Peringkat PUSAKA (JAR PUSAKA) telah diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun dan dipengerusikan Pengurus Besar atau Timbalan Pengurus Besar dan dianggotai semua Ketua Bahagian dan Seksyen bergred 41 ke atas.

JAR PUSAKA memfokuskan perbincangan dan pelaporan isu yang berkaitan dengan integriti, tadbir urus dan antirasuah untuk diperku ku sebelum diangkat ke Kementerian sekiranya relevan. Isu-isu ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Dasar, Perundangan dan Peraturan;
- ii. Sistem dan Prosedur Kerja;
- iii. Pengukuhan Governans dan Integriti; dan
- iv. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

Seksyen Integriti telah mengadakan mesyuarat JAR PUSAKA sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2023 seperti **Jadual 1**.

Bil	Mesyuarat JAR	Tarikh Perancangan	Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Masa
1	Penggal 1/2023	22 Mac 2023	23 Mac 2023	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	9.30 pagi
2	Penggal 2/2023	25 Julai 2023	15 Julai 2023	Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu	2.30 petang
3	Penggal 3/2023	22 November 2023	11 Disember 2023	Secara Hibrid (Tingkat 20, Bilik Mesyuarat Lembaga dan Zoom)	2.30 petang

Jadual 1 - Takwim Mesyuarat JAR Tahun 2023



## MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI KUMPULAN (JIK) PUSAKA



Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Kumpulan (JIK) PUSAKA julung-julung kalinya telah diadakan pada 27 November 2023. Keahlian JIK PUSAKA termasuklah semua CEO PUSAKA dan Anak Syarikat serta wakil-wakil Anak Syarikat.

Penubuhan JIK PUSAKA adalah berdasarkan cadangan pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM dan merupakan platform yang mendokong Program Klon Integriti yang telah diasaskan pada tahun 2022.



Mesyuarat JIK PUSAKA dijadualkan tiga (3) kali setahun agar selari dengan jadual Mesyuarat JAR PUSAKA dan MUDeNR.

Peranan dan tanggungjawab JIK PUSAKA termasuklah :

1. Menyelaras tadbir urus Unit Integriti PUSAKA dan Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat;
2. Memantau pelaksanaan Fungsi Teras Unit Integriti PUSAKA dan Fungsi Teras Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat;
3. Merancang dan memantau pelan tindakan kerjasama PUSAKA dan Anak-anak Syarikat
4. Menyelaras polisi dan garis panduan yang berkaitan; dan
5. Menyelaras program pembangunan kompetensi anggota Unit Integriti PUSAKA dan Unit Integriti dan Governans Anak Syarikat.

## PENARAFAN RISIKO

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melaksanakan Penarafan Risiko Agensi Awam seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Penarafan Risiko terkini SPPM bertarikh 12 Disember 2023 mengesahkan penarafan risiko PUSAKA kekal pada tahap SEDERHANA, jika dibandingkan dengan penarafan pada tahun 2020 yang lalu.



**Rajah 1-Penarafan Risiko PUSAKA Bagi Tahun 2020 dan 2023**

<p><b>IBU PEJABAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA</b> No. 2, Lebuh Wawasan Presint 7 62250 PUTRAJAYA</p> <p><b>Ruj:</b> Tuan : <b>Ruj. Kami :</b> SPRM BPIA 600-9/31 Jld. 30 (14) <b>Tarikh :</b> 29 Jamadilawal 1445H 12 Disember 2023</p> <p><b>Pengurus Besar</b> Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC) Blok Podium, Wisma Sumber Alam Jalan Stadium, Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak</p> <p>YBhg. Tan Sri /Datuk Sri /Dato' Sri /Datuk /Dato' /Tuan /Puam,</p> <p><b>PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 – SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (STIDC)</b></p> <p>Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.</p> <p>2. Sepermasira dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Cerahan SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana STIDC telah ditarafkan sebagai risiko <b>SEDERHANA</b>.</p> <p>3. Berdasarkan data-data yang diperoleh daripada pihak SPPM bagi tempoh 2020 hingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak STIDC sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapat STIDC dikategorikan sebagai risiko <b>SEDERHANA</b>.</p> <p>4. Suruhanjaya ini merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada pihak STIDC di atas komitmen yang telah dilaksanakan dalam usaha Pencegahan Rasuah di STIDC sepanjang tempoh tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan sedemikian. Pihak SPPM juga berharap agar komitmen yang sama dapat diteruskan dalam usaha mengurangkan risiko rasuah pada masa akan datang.</p> <p style="text-align: center;"><b>"RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA"</b></p>	<p>5. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak STIDC boleh menghubungi:</p> <p><b>Pengarah</b> Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 12, Blok A, No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7 62250 Wilayah Persekutuan Putrajaya E-mel : t1@sprm.gov.my</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p><b>"MALAYSIA MADANI"</b> <b>"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"</b></p> <p>Saya yang menjalankan amanah,</p> <p style="text-align: right;"><i>N.A.</i> <b>(DATO' NOR AZMI BIN KARIM)</b> Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) b.p. Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia</p>
--	---

## NAZIRAN

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti giat melaksanakan fungsi pematuhan yang merupakan salah satu daripada enam (6) fungsi teras Unit Integriti termasuklah tadbir urus, pengurusan aduan, pengukuhkan integriti, pematuhan, pengesahan dan pengesahan serta tatatertib.



Pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa adalah perlu di setiap agensi awam bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai dan kakitangan melakukan kesalahan dari segi jenayah mahupun tatakelakuan dan etika.

Atas peranan tersebut Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti melaksanakan naziran pematuhan anggota PUSAKA seperti berikut:



1. Keberhutangan Yang Serius Anggota PUSAKA bagi tempoh Januari hingga Mac 2023; dan
2. Kehadiran Anggota PUSAKA Bagi Tahun 2022

Objektif naziran ini diadakan adalah untuk membuat penilaian awal tahap kepatuhan dalam kalangan anggota PUSAKA, berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia-Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam, Versi 1.0(2022).

## TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah menjalankan kerjasama yang erat dengan Bahagian Audit Dalaman & Pematuhan dengan membuat semakan serta mengemukakan cadangan penambahbaikan peraturan dan tadbir urus ke atas penemuan audit sebagai usaha untuk memastikan penemuan sama tidak berulang.




Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti juga berterusan mengenalpasti kemungkinan wujudnya ruang dan peluang rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan dan mencadangkan kawalan “*preventive*”, “*detective*” atau “*corrective*” yang bersesuaian.


Pada 31 Disember 2023, sebanyak 5 daripada 5 (100%) Laporan Audit telah dikaji dan diberikan maklum balas dengan mengambil kira isu integriti, pengurusan risiko rasuah dan amalan terbaik tadbir urus seperti di **Jadual 2**.

Bil.	Organisasi	Tarikh Laporan
1	Harwood Timber Sdn Bhd	5 September 2023
2	Belian Holdings Sdn Bhd	5 September 2023
3	Pejabat PUSAKA Bahagian Miri	22 September 2023
4	Pejabat PUSAKA Bahagian Sibu	6 November 2023
5	SARADEC Management Sdn Bhd	19 Disember 2023

Jadual 2- Semakan Pelaporan Audit Bagi Organisasi

## POSTER KESEDARAN INTEGRITI






Antara inisiatif lain membudayakan nilai integriti ialah dengan memuatnaik poster integriti ke dalam laman IntraPUSAKA. Poster integriti ini merupakan satu medium penyebaran maklumat berkaitan polisi, kesedaran integriti, peraturan dan tatacara yang berkaitan secara berkala melalui platform secara atas talian.

Pada tahun 2023, sebanyak lapan (8) kandungan telah dimuatnaik di dalam laman IntraPUSAKA.


## PENILAIAN RISIKO RASUAH




Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah menjalankan sebanyak 17 sesi konsultansi dan khidmat nasihat Pengurusan Risiko Rasuah bermula 11 September 2023 sehingga 27 November 2023 yang melibatkan semua Bahagian dan Seksyen di PUSAKA. Hasil kajian semula diringkaskan seperti berikut:



Rajah 2 - Peta Risiko



Rajah 3- Jumlah Risiko




Rajah 4 - Profil Risiko

Sesi konsultansi dan khidmat nasihat ini diadakan bagi membuat kajian semula ke atas risiko rasuah demi memastikan risiko rasuah dikenalpasti secara sistematik berdasarkan metodologi yang seragam dan mengambil kira visi, misi, objektif dan fungsi PUSAKA. Sesi juga diadakan untuk menilai semula tahap setiap risiko yang telah dikenalpasti berdasarkan tahap kebarangkalian berlaku dan impak terhadap PUSAKA sekiranya rasuah berlaku. Di samping itu, inisiatif-inisiatif kawalan dalaman juga disemak semula demi memastikan ianya kekal relevan dan berkesan untuk menangani risiko rasuah di PUSAKA.

## PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM) adalah alat untuk pengurusan untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah (telah, sedang atau mungkin berlaku) seperti di **Rajah 5** di bawah. Ia adalah mekanisme bagi mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti.



Rajah 5 - Proses Pengurusan Risiko Rasuah

Di antara wujudnya risiko rasuah termasuklah:

- |   |   |  |
|---|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>1 Kelemahan Pentadbiran</li> <li>4 Ketidakpatuhan</li> <li>7 Campur Tangan Pihak Ketiga</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>2 Konflik Kepentingan</li> <li>5 Kurang Ketelusan</li> <li>8 Kurang Pengesahan Awal</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>3 Kelemahan Kawalan Dalaman</li> <li>6 Kurang Kesedaran</li> <li>9 Kurang Usaha Pencegahan</li> </ul> |
|---|---|--|

Analisa risiko rasuah dilaksanakan dengan mengambil kira kebarangkalian risiko berlaku dan impak kepada organisasi sekiranya berlaku dan diukur berdasarkan tahap risiko iaitu:

**RENDAH**

**SEDERHANA**

**SIGNIFIKAN**

**TINGGI**

Matrik		IMPAK				
		TIADA KESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	BENCANA
KEBARANGKALIAN	1	RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	SIGNIFIKAN	SIGNIFIKAN
	2	RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	SIGNIFIKAN	TINGGI
	3	RENDAH	SEDERHANA	SIGNIFIKAN	TINGGI	TINGGI
	4	SEDERHANA	SIGNIFIKAN	SIGNIFIKAN	TINGGI	TINGGI
	5	SIGNIFIKAN	SIGNIFIKAN	TINGGI	TINGGI	TINGGI

Rajah 6 - Matriks Tahap Risiko

Di dalam pelaksanaan pengurusan risiko rasuah, pemantauan dibuat; di antara lain melalui laporan aktiviti fungsi integriti secara berkala melalui *Agency Integrity Management System* (AIMS) seperti di **Jadual 3**.

AIMS merupakan sistem yang digunakan oleh Unit Integriti Agensi (UI) Awam, Badan Berkanun dan Unit Governans & Integriti (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi merekod serta mengemukakan laporan secara berkala berkaitan pelaksanaan fungsi UI dan IGU kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM mulai 12 Mac 2021.

## PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

PUSAKA telah membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) bagi tahun 2021-2025. Penyediaan pelan anti rasuah organisasi adalah salah satu inisiatif mandatori di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) untuk memperkuatkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Awam.

Pelan Anti Rasuah ini merangkumi aspek tadbir urus, integriti dan anti rasuah dalam organisasi dan melibatkan semua bidang dan aktiviti dalam organisasi. Ia juga selaras dengan ketetapan Pekeliling Integriti Kerajaan Negeri Sarawak Bilangan 1 Tahun 2020 yang mewajibkan semua agensi kerajaan untuk menyediakan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP).

Sehingga Disember 2023, inisiatif-inisiatif OACP telah dibuat kajian semula untuk memastikan ianya kekal relevan dan berkesan didalam menangani risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Analisis pertengahan penggal ke atas lapan (8) risiko rasuah telah dilaksanakan bagi mengukur keberkesanan inisiatif-inisiatif OACP dan ianya telah berjaya menurunkan kebarangkalian berlakunya rasuah.

Penggal	Tarikh Penghantaran Laporan	Tempoh Aktiviti
1/2023	19.04.2023	Januari – April 2023
2/2023	05.09.2023	May – Ogos 2023 2023
3/2023	15.01.2023	September – Disember 2023

**Jadual 3 - Matriks Tahap Risiko**



Rajah 3 - Sistem SKP-OACP Penggal Ketiga Tahun 2023


Pelaporan pencapaian pelaksanaan OACP adalah melalui Sistem SKP-OACP secara suku tahunan. Sistem SKP-OACP adalah sistem yang digunakan oleh Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak bagi memantau status kemajuan pelaksanaan OACP.

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN HADIAH UNTUK PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK DAN POLISI HADIAH PUSAKA

PUSAKA telah menerima pakai Garis Panduan Pengurusan Hadiah untuk Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai 2 Januari 2023.

Bagi mendokong ketetapan ini, PUSAKA telah mengeluarkan Polisi Hadiah telah diluluskan Pengurus Besar pada 10 Ogos 2023 sebagai rujukan kepada anggota PUSAKA dalam berurusan dengan pihak dalaman dan luaran mengenai penerimaan hadiah semasa melaksanakan urusan rasmi demi memelihara integriti dan profesionalisme anggota, mengelak salahlaku, penyelewengan dan penyalahgunaankuasa; di samping menutup ruang dan peluang melakukan rasuah demi memelihara imej dan kredibiliti PUSAKA.

Polisi ini terpakai kepada semua anggota PUSAKA, Anak-anak Syarikat PUSAKA, pemegang taruh, rakan niaga, pihak industri perkayuan atau mana-mana individu/ organisasi yang berurusan dengan anggota PUSAKA.



# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWER POLICY)

**1.0 Kenyataan Polisi**

PUSAKA komited untuk menerapkan tatacara etika, integriti, keterbukaan dan akuntabiliti yang tinggi dalam menjalankan perniagaan dan operasinya. PUSAKA berharap untuk menggalakkan orang awamnya secara beretik, bertanggungjawab dan telus agar secara tidak langsung dapat memberi sumbangan untuk meningkatkan kualiti penyempuran perkhidmatan PUSAKA.

Mengikut ini adalah kerobut PUSAKA telah menyediakan garis panduan untuk warga PUSAKA dan orang awam memberi maklumat dan mendedahkan kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan kakitangan PUSAKA.

**2.0 Objektif Polisi**

Polisi ini disediakan sebagai garis panduan untuk warga PUSAKA dan orang awam memberi maklumat dan mendedahkan kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah di PUSAKA selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2020 (Akta 711). ia juga untuk menzahirkan komitmen memberi perlindungan kepada warga PUSAKA dan orang awam yang telah memportar atau memberi maklumat.

**3.0 Skop Polisi**

Skop Polisi Perlindungan pemberi maklumat merangkumi pemberi maklumat, penerima maklumat, penyalasan dan penyidikan laporan.

**4.0 Tafsiran**

"Kelakuan tidak wajar" bermaksud apa-apa kesalahan yang jelas terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

"Kesalahan jenayah" bermaksud apa-apa kesalahan yang melibatkan pelaku dalam perbuatan yang dilakukan oleh dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperkenalkan oleh undang-undang atau dalam suatu tafsiraku, kod etika atau perikliring atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkongsi.

**5.0 Pelaksanaan Polis**

Polis ini bertujuan kepada peraturan dan undang-undang yang dimasukkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2020 (Akta 711). Polis ini berlaku kepada semua warga PUSAKA dan anak-anak syuruk. Polis ini juga berlaku kepada orang awam, jika berkenaan.

**6.0 Prosedur Polisi Pemberi Maklumat**

Semua aduan maklumat/pendeklarasi hantarkan dilakukan mengikut prosedur seperti yang telah dikenalpasti di bawah polis ini; laju borang aduan, ensei rasmi daripada surat rasmi.

**7.0 Perlindungan Kepada Pemberi Maklumat**

Akta 711 yang disarungkatakan agensi/agensi pengawas yang elok kuasa menyiasat dan pemerkosaan di bawah mana-mana undang-undang beratus memberi perlindungan kepada Pemberi Maklumat dalam hal bentuk iaitu:

- i. Perlindungan maklumat sult atau pendeklarasi yang dibuktikan oleh pemberi maklumat
- ii. Maklumat yang didedahkan serta identiti pemberi maklumat atau mana-mana bahagianya direkaikan;
- iii. Kekelehan daripada tindakan sivil dan jenayah

Pemberi maklumat akan dilindungi dari apa-apa perburuan dan tindakan sivil dan jenayah oleh agensi atau depan buah di amlik atau dibuktikan terhadap pemberi maklumat kerana membuat pendeklarasi kesalahan berkaitan integriti dan rasuah; dan

iv. Perlindungan berhadapan tindakan yang memerlukan seperti yang termaktub dalam Akta 711.

Pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat akan dilindungi daripada diambil tindakan yang memuntukkan sebagai tindakan basah oleh mana-mana pihak disebabkan pendeklarasi yang dilakukan oleh pemberi maklumat.

HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI ABDULLAH  
PENGURUS BESAR

TARIKH : 10 / 8 / 2023

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy) yang terkini telahpun disemak semula, dikemaskini dan diluluskan Pengurus Besar PUSAKA pada 10 Ogos 2023.

Polisi ini disediakan sebagai garis panduan untuk warga PUSAKA dan orang awam di dalam memberi maklumat dan mendedahkan kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah termasuk penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah dalam kalangan anggota PUSAKA selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2020 (Akta 711).

Polisi ini dirangka untuk menzahirkan komitmen PUSAKA di dalam memberi perlindungan kepada anggota PUSAKA dan orang awam yang membuat aduan. Dengan adanya polisi ini, adalah diharapkan agar ia bakal memberi keyakinan anggota PUSAKA dan orang awam untuk mendedahkan sebarang kesalahan tatatertib dan jenayah dan mengambil sikap tiada tolak-ansur terhadap sebarang unsur yang menyanggahi prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti.

Polisi ini adalah asas penting di dalam inisiatif PUSAKA untuk menyediakan Khidmat Aduan Etika pada masa yang akan datang sebagai saluran rasmi aduan berkaitan kesalahan tatatertib dan jenayah dalam kalangan anggota PUSAKA.

## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN ADUAN ETIKA**



Pengurusan aduan etika merupakan salah satu Fungsi Teras Seksyen Integriti PUSAKA untuk menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan anggota PUSAKA.

Fungsi ini selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 2 Tahun 2019 mengenai Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam Negeri Sarawak bertarikh 15 Mei 2019 yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti (UI) di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri.

Selaras dengan pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Garis Panduan Pengurusan Aduan Etika telah dirangka bagi memastikan pengurusan aduan/ maklumat kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan anggota agensi dikendalikan dengan telus, sistematik, cekap dan adil serta menepati peraturan-peraturan berkaitan. Garis panduan ini yang telah diluluskan Pengurus Besar PUSAKA pada 6 November 2023 merupakan punca kuasa bagi Unit Integriti PUSAKA menjalankan Khidmat Aduan Etika apabila dilancarkan kelak.

## **GARIS PANDUAN PENGESANAN DAN PENGESAHAAN ADUAN ETIKA**

Pengesanan dan Pengesahan merupakan salah satu peranan dalam Fungsi Teras Seksyen Integriti PUSAKA untuk menilai dan mengesyorkan pelaporan terhadap aduan/ maklumat kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan anggota PUSAKA.

Fungsi ini adalah selaras dengan Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bilangan 2 Tahun 2019 mengenai Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam Negeri Sarawak bertarikh 15 Mei 2019 yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti (UI) di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri.



Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti telah mewujudkan Garis Panduan Pengesanan dan Pengesahan bertujuan memastikan tindakan siasatan dalaman ke atas aduan/ maklumat kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib dan kesalahan jenayah dalam kalangan anggota PUSAKA dikendalikan dengan telus, sistematik, cekap dan adil serta menepati pekeliling-pekeliling berkaitan.

Garis panduan ini yang telah diluluskan Pengurus Besar pada 6 November 2023 merupakan punca kuasa bagi Jawatankuasa Siasatan Dalaman menjalankan tugas pengesanan dan pengesahan.

## TAHAP KEPUASAN PELANGGAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INTEGRITI



Rajah 8 - Tahap Kepuasan Pelanggan Bagi tahun 2020 sehingga 2023

Kaji selidik kepuasan pelanggan secara atas talian dilaksanakan bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan; dan mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti. Pengisian borang kaji selidik kepuasan pelanggan dilaksana ke semua Bahagian dan Seksyen di Ibu Pejabat PUSAKA serta Pejabat-pejabat Bahagian Sibu, Mukah, Bintulu dan Miri dan Pejabat Perhubungan di Limbang dan Lawas pada suku keempat setiap tahun. Kajian ini dijalankan secara atas talian (*online*) dengan menyediakan soal selidik di laman portal IntraPUSAKA.

Ini adalah selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi *Balance Scorecard* Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti iaitu *CS1M1-Stakeholders' Satisfaction rating* iaitu sebanyak 15% daripada keseluruhan peratusan KPI Bahagian.

Tahap kepuasan pelanggan diukur melalui layanan pegawai, kecekapan dan kemahiran menjalankan tugas dan pengetahuan pegawai di dalam bidang pengurusan risiko dan integriti terutama dalam melaksanakan konsultansi pengurusan risiko (ERM dan CRM), usaha pengukuhan integriti dan tadbir urus.

Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Bahagian Pengurusan Risiko dan Integriti bagi tahun 2023 adalah 99% iaitu Sangat Memuaskan.

# INTEGRITI

Kejujuran, ketelusan,  
kesempurnaan dan keutuhan.

Kamus Dewan, Edisi 2000

**BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO DAN INTEGRITI  
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**





**SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION (STIDC)**  
**Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**

**Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, 93050 Kuching.  
P.O Box 194, 93702 Kuching, Sarawak  
Tel : 6082-473000 Fax : 6082-442691  
E-mail : [stidc@pusaka.gov.my](mailto:stidc@pusaka.gov.my)  
Website : [www.sarawaktimber.gov.my](http://www.sarawaktimber.gov.my)**